

# Jangan salahkan kerajaan Melayu gagal capai matlamat 30% DEB

um - 1 OCT 2004

MELAKA 30 Sept. — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kaum Melayu tidak boleh menyalahkan kerajaan atau kaum lain atas kegagalan mereka mencapai matlamat 30 peratus penguasaan ekonomi melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Menurutnya, adalah tidak logik untuk kaum Melayu mahu mendapat keuntungan dengan meminta kaum lain memperbetulkan keadaan dan mengalami kerugian.

"Kita boleh menyalahkan kerajaan, orang lain, (kaum) Cina dan British tetapi kita tidak boleh membetulkan mereka," kata bekas Perdana Menteri itu.

Beliau berkata demikian pada majlis Eksklusif Bersama Dr. Mahathir anjuran Kerajaan Negeri Melaka dan Institut Pengurusan Melaka di Seri Negeri, Ayer Keroh di sini malam tadi.

Sebaliknya tegas beliau, kaum Melayu perlu melihat diri sendiri dan mencari kesalahan mereka serta memperbetulkan kesilapan itu agar kelemahan yang ada dapat diatasi.

"Kita berkuasa ke atas diri kita dan kita boleh membetulkannya. Kita tidak berkuasa ke atas orang lain dan tidak boleh menyuruh mereka membetulkan diri supaya kita untung dan mereka rugi, ini tidak logik," ujarnya.

Ketika menjadi Perdana Menteri katanya, beliau telah membuat per-

hitungan bahawa sekiranya segala bantuan yang diberikan kepada Bumiputera dimanfaatkan sepenuhnya, mereka mampu membuat pencapaian 40 atau 50 peratus dan bukannya 30 peratus seperti yang ditetapkan.

"Tetapi hari ini ia (pencapaian) hanya 20 peratus, itu pun 17 peratus dimiliki oleh badan-badan tertentu, bagi individu, bumiputera hanya ada tiga peratus," katanya.

Oleh itu katanya, kaum Melayu mesti mempunyai nilai hidup yang mulia sekiranya mereka mahu maju ke hadapan.

Dr. Mahathir yang menerajui negara selama 22 tahun memberitahu, kaum Melayu juga perlu mengubah budaya hidup termasuk membendung sikap mahu cepat kaya dan mengambil jalan mudah mendapat duit.

Katanya, terdapat sesetengah kaum Melayu suka meminta lesen dan permit daripada kerajaan dan kemudian menjualnya kepada pihak lain untuk mendapat wang dengan mudah.

Cara itu katanya, boleh memberi kekayaan dengan cepat tetapi ia tidak bertahan lama dan mereka akan terus mengemukakan permohonan lagi daripada kerajaan.

"Kalau kita buat kerja macam ini, kita boleh ada 10 DEB dan selama 1,000 tahun kita tidak akan maju," katanya.

Menurutnya, kegopohan untuk

menjadi kaya cepat kadang kala menyebabkan ada yang sanggup melakukan perkara salah.

Bekas Perdana Menteri itu turut mengaitkan kegopohan menjadi kaya dengan perkembangan politik dalam masyarakat Melayu termasuk jual beli undi pada pemilihan parti.

"Kita sudah terpilih dan dapat jawatan, tetapi orang minta duit lagi. Duit tak banyak, ada jawatan cari jalan dapat duit dan jalan kita dapat duit itu mungkin tidak baik dan akhirnya kuasa kita akan hilang.

"Maju mundur sesuatu bangsa bergantung kepada nilai hidup yang dipegang dan diamalkan, jika bangsa itu menghargai kerajinan bekerja ia akan maju tetapi kalau bangsa itu begitu malas sekali mustahil dia boleh maju," katanya.

Hadir sama pada majlis itu ialah Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Khalil Yaakob dan isteri, Toh Puan Zurina Kassim dan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam serta isteri, Datin Seri Asmah Abd. Rahman.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir turut melancarkan buku berjudul Kenangan Indah iaitu rakaman gambar-gambar beliau sebagai Perdana Menteri ketika mengadakan lawatan ke Melaka sejak tahun 1981 hingga 2003.